



**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia**  
Malaysian Communications and Multimedia Commission  
Off Persiaran Multimedia  
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia  
T: +603 8688 8000 F: +603 8688 1000

W: [www.skmm.gov.my](http://www.skmm.gov.my)

# Kenyataan Media

## Press Release

### Untuk Siaran Segera

## **Tindakan Undang-undang Akan Dikenakan Terhadap Penyebar Berita Palsu Menerusi Internet dan SMS: SKMM**

**Cyberjaya: 8 Januari, 2013** --- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) memperingatkan orang ramai tentang bahayanya penyebaran berita palsu menerusi internet dan SMS. Ini ekoran berita palsu mengenai kesihatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohd Najib Tun Razak baru-baru ini.

"Kami mengambil serius perkara ini. Siasatan sedang dijalankan dan seperti biasa kami bekerjasama dengan Polis dan jika didapati melanggar undang-undang, mereka yang terlibat akan dikenakan tindakan mengikut undang-undang yang sedia ada," kata Dato' Mohamed Sharil Tarmizi, Pengerusi SKMM.

Di bawah seksyen 233 (1) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, seseorang yang menggunakan internet atau telefon untuk menyebarkan berita palsu boleh dikenakan tindakan undang-undang. Jika didapati bersalah mereka boleh didenda RM50,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.

"Orang ramai diminta untuk tidak menyebarkan berita tersebut melalui SMS atau media sosial kerana berita palsu seperti yang ditulis dalam blog tersebut boleh mengganggu gugat keselamatan negara, kesejahteraan masyarakat dan merupakan pengaruh buruk terhadap kedudukan ekonomi masa kini," kata beliau lagi.

[Tamat]



**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia**  
Malaysian Communications and Multimedia Commission  
Off Persiaran Multimedia  
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia  
T: +603 8688 8000 F: +603 8688 1000

W: [www.skmm.gov.my](http://www.skmm.gov.my)

# Kenyataan Media

## Press Release

---

### **Nota kepada Editor:**

Sekiranya organisasi anda ingin memetik kenyataan daripada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk sesuatu artikel mahupun bahan berita, petikan tersebut haruslah merujuk kepada SKMM sebagai sebuah organisasi dan bukan mana-mana pegawai SKMM melainkan sekiranya jurucakap rasmi SKMM ada dinyatakan di dalam kenyataan akhbar atau sebarang maklumbalas rasmi kepada media.

### **Mengenai Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)**

SKMM adalah sebuah badan berkanun ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 (AKM) yang melaksana dan mempromosikan matlamat dasar kebangsaan Malaysia bagi sektor komunikasi dan multimedia. SKMM mengawalselia dan menggalakkan pembangunan industri komunikasi dan multimedia yang merangkumi bidang telekomunikasi, penyiaran, dan juga perkhidmatan internet, pos dan pensijilan digital.

AKM mengadakan peruntukan kepada SKMM peranan melaksanakan dasar, manakala kuasa membuat keputusan tentang dasar diperuntukkan kepada Menteri. Menteri boleh juga mengeluarkan arahan mengenai dasar kepada Suruhanjaya.

Untuk maklumat lanjut, layari [www.skmm.gov.my](http://www.skmm.gov.my)

Untuk penjelasan lanjut, sila hubungi:

Sheikh Raffie Abdul Rahman  
Penasihat Strategik, Jabatan Komunikasi Korporat

Rahayu Abdul Aziz  
Timbalan Pengarah, Jabatan Komunikasi Korporat

Tel: +603 8688 8000

Faks: +603 8688 1007

E-mel: [ccd@cmc.gov.my](mailto:ccd@cmc.gov.my)